



اَوْبُوْ سَيِّدِيْ بِسَيِّدِيْ لَوْ كِيْ فَاِنَّا رَا

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMATUAN EN. AZAIZUREE BIN AHMAD

USAHAWAN GYM

OLEH:

MOHAMAD SYAFIQ BIN MUHAMED SHAFII

2012312019

SARUL EZUWAN BIN MOHD HAIRY

2012787569

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JUL 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EN. AZAIZUREE BIN AHMAD  
USAHAWAN GYM

OLEH:

MOHAMAD SYAFIQ BIN MUHAMED SHAFII

2012312019

SARUL EZUWAN BIN MOHD HAIRY

2012787569

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JUL 2014)

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
BIODATA TOKOH	iii
PENGENALAN	ix
TRANSKRIP	1 - 40
LAMPIRAN	
LOG TEMURAMAH	41- 42
NDEKS	43
I SOALAN	44 - 49
RUJUKAN	50

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Nor Kamariah Binti Chik yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Azaizuree bin Ahmad, tokoh usahawan Gym yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini. Sekian terima kasih.

**ABSTRAK****Transkrip Temubual Bersama Encik Azaizuree Bin Ahmad Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Usahawan Gym**

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Azizuree Bin Ahmad mengenai kerjaya beliau dalam usahawan gym yang sudah hampir 34 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam pejabat Newfort Gym, Pasir Pekan, Kota Bharu, Kelantan pada 11 Mei 2014 bermula sekitar jam 2.00 petang. Beliau merupakan salah seorang usahawan gym yang amat dikagumi kerana sikap profesionalisme yang ditonjolkannya semasa menguruskan kelab Gym beliau yang juga mempunyai banyak cawangan di sekitar negeri Kelantan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang peribadi beliau, serta pengalaman dan pencapaian yang diperolehi beliau semasa menguruskan gym. Selain itu, temubual ini juga menumpukan tentang latar belakang pendidikan beliau. Di samping itu, beliau juga turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam bidang perniagaan selain gym, seperti menubuhkan Newfort gym Sport Resource dan Newfort Gym Textiles sebagai aktiviti perniagaan sampingan beliau. Selain itu, beliau juga turut berkongsi pengalaman beliau dalam menubuhkan aktiviti Kelab Persatuan Merak (Minda Evolusi Rempit Anak Kelantan) dan pendapat beliau tentang gejala gejala tidak bermoral yang giat melanda di kalangan anak – anak muda sekarang.*

## BIODATA TOKOH

---



---

### MAKLUMAT DIRI

**Nama** : Azaizuree bin Ahmad  
**Asal** : Selising, Kota Bharu Kelantan  
**Status** : Sudahberkahwin  
**Jawatan** : PresidenNewfort Extreme Sport Resources  
**Bidang** : Hotel Management UiTM Shah Alam  
**Email** : Azai\_newforttuff@yahoo.com  
**No. Tel** : 017-9077181

### TAHAP PENDIDIKAN

Diploma Pengurusan Hotel, UiTM Shah Alam

---

JAWATAN LAIN

---

Presiden Persatuan MERAK (MindaEvolusiRempitAnak Kelantan)

Presiden Kelab Gusti LenganTangan Kelantan

Presiden Newfort Textiles

---

1. Syafiq : Bismillahirrahmanirrahim, selamat tengah hari saya ucapkan kepada encik Azaizuri kerana sudi meluangkan masa bersama kami dalam sesi temuramah ini. Sebelum kita pergi dengan lebih lanjut, izinkan saya memperkenalkan diri saya dan sahabat saya, nama saya Syafiq bin Muhamed Shafii dan ini Sarul Ezuwan. Pada hari ini kami akan menemuramah encik azai tentang pengalaman-pengalaman dalam hidup encik sebagai usahawan. Untuk pengetahuan encik, kami merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di Universiti Teknologi Mara, Machang. Sesi temuramah ini diadakan bagi memenuhi tugas subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) yang diberikan oleh Pensyarah kami, Puan Nor Kamariah binti Chik. Kami telah memilih encik azai sebagai tokoh yang ingin kami temubual ini kerana kami ingin mengetahui lebih lanjut lagi tentang encik.

2. Sarul : Apakah nama penuh encik Azaizuree dalam IC?

Azaizuree : Azaizuree bin Ahmad lah.

3. Sarul : Apakah nama panggilan samaran encik?

Azaizuree : Biasa *ore* [orang] panggil aza. *Ore* [orang] diantara ahli-ahli Gym *customer* [pelanggan] dan *jugak* [juga] ahli-ahli merak *biaso* [biasa] *dia* [dia] *diarang* [mereka] panggil aza. *Kalu* [kalau] 'family' *dia* [dia] panggil hery.



**4. Sarul : Berapakah umur encik?**

Azaizuree : Umur sekarang *ni* [ini] dalam tiga puluh pat [34] tahun.

**5. Sarul : Bilakah tarikh kelahiran encik?**

Azaizuree : Tarikh kelahiran *tiga belas* [13] *bulan sepuluh* [10] *Sembilan belas tujuh Sembilan* [1979] (bunyi kereta).

**6. Sarul : Dimanakah negeri asal encik?**

Azaizuree : Kelantan lah.

**7. Sarul : Dan di tempat mana?**

Azaizuree : Di selising.

**8. Sarul : Berapakah jumlah adik-beradik encik?**

Azaizuree : Adik beradik *ado* [ada] *lima* [5] orang.

**9. Sarul : Encik anak ke berapa?**

Azaizuree : Ke *dua* [2].

**10. Sarul : Bolehkan encik menceritakan serba sedikit tentang bapa encik?**

Azaizuree : Tentang ayah arwah ayah *ni* [ini] *maso* [masa] *sayo* [saya] dalam tingkatan empat [4] dia sudah meninggal jadi arwah ayah *ni* [ini] *dia* [dia] seorang arkitek jadi motivasi *ko* [kepada] diri *sayo* [saya] untuk *nok* [hendak] terus maju *ni* [ini] kebanyakannya *sayo* [saya] *berpanduke* [berpandukan] *pado* [pada] *pengalame* [pengalaman] arwah ayah lah. *Dia ni* [ini] *seore* [seorang] *ore kapong* [orang kampung] *duduk* [tinggal] Melor *lepas* [lepas] tu *bejaya* [berjaya] *buleh* [boleh] melanjutkan *pelajare* [pelajaran] *ko* [di] *London* dalam arkitek. Jadi *dia* [dia] *ore petamo* [orang pertama] lah *kalu* [kalau] di kampung *duluh* [dulu] sampai *ko* [hingga] masa *dia* [dia] *nok* [hendak] *gi* [pergi] belajar dulu yang *sayo* [saya] dapat tahu daripada *ayah-ayah sedaro* [ayah-ayah saudara] orang buat *mace* [seperti] satu [1] keraian untuk *dia* [dia] *nok* [hendak] pergi *sambung* [sambung] belajar. *Satu* [1] *kampong* [kampung] lah keluar *tu* [itu] yang jadi kita jadi semangat pada arwah ayah.

**11. Sarul : Apakah pekerjaan bapa encik?**

Azaizuree : Arkitek lah

**12. Sarul : Adakah encik sudah berkahwin?**

Azaizuree : Sudah, saya baru berkahwin dalam akhir dua ribu dua belas [2012] berkahwin di mekah *akad nikoh* [akad nikah] depan Baitillah (ketawa).

**13. Sarul : Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai isteri encik?**

Azaizuree : Isteri saya *tu* [itu] *dia* [dia] orang Pasir Mas saya kenal *dia* [dia] *pon* [pun] asal *dia* [dia] *customer* [pelanggan] *nampok* [nampak] cantik sikit *sayo* [saya] *pom* [pun] terus tackle (ketawa) (bunyi ekzos kereta) *customer* [pelanggan] *sayo* [saya] lah *asalnyo* [asalnya]. *lepas* [lepas] *tu* [itu] dari duduk kenal masa *dia* tengah *training* [berlatih] di gym *sayo* [saya] *apo* [apa] semua *dia ado* [ada] macam dalam proses *nok* [hendak] cari kerja masa *tu* [itu], terus saya *amik* [ambil] kerja dengan *sayo* [saya] lah sebagai akaun sampai sekarang *dia* [dia] lah isteri *sayo* [saya] *dia* lah sahabat *sayo* [saya] dan *dia* [dia] kerja ngan *sayo* [saya] menguruskan syarikat *sayo* [saya].

**14. Sarul : Nama isteri encik?**

Azaizuree : Siti nurazrin

**15. Sarul : Berapakah jumlah anak encik sekarang?**

Azaizuree : Yang pertama *tu* [itu] *tak dok* [tiada] rezeki gugur pom sebab *ado* [ada] komplikasi pasal kemalangan yang isteri *sayo* [saya] pun ada juga masa *sayo* [saya] yang terbakar jadi isteri pun ada *juga* [juga] *dia ado* [dia ada] masalah rahim *sikit* [sedikit] lepas *tu* [itu] lepas pada *kawin* [kahwin] *tuh* [itu] masa kemalangan *tu* [itu] belum *kawin* [kahwin] *lagih* [lagi] lepas *pado* [pada] *tu* [itu] *dia ado* [dia ada] implikasi dalaman jadi bila *da* [sudah] *kawin* [kahwin] gugur. Alhamdulillah *da* [sudah] baru dapat cahaya mata dalam umur *anok* [anak] seminggu Alhamdulillah.

**16. Sarul : Apakah hobi encik?**

Azaizuree : hobi *sayo* [saya] *off course* [semestinya] gym lah (ketawa)

**17. Sarul : Ada tak selain dari gym?**

Azaizuree : Selain dari gym saya sebenarnya sukan *ni* [ini] saya lebih *suko* [suka] sukan tangan, *sayo* [saya] tak suko sukan *guno* [guna] kaki sebab *tu* [itu] sekarang *ni* [ini] bola apa semua *sayo* [saya] memang tak *berapo* [berapa] *nok* [nak] minat *kalu* [kalau] macam sukan tangan dari *kecik* [kecil] lagi macam badminton pingpong memang minat sukan tangan lah bermakna lebih secara umumnya sukan memang minat sukan tapi sukan yang menggunakan tangan (ketawa) dari dulu [dahulu] lah lagi sukan.

**18. Sarul : Dimanakah encik mendapat pendidikan sekolah rendah?**

Azaizuree : Sekolah Rendah di Melor Sekolah Rendah Kebangsaan Melor di Melor lah sekolah rendah.

**19. Sarul : Dimanakah encik mendapat pendidikan sekolah menengah?**

Azaizuree : Sekolah menengah di Melor *jugak* [juga] Sekolah agama *pade* [padang] *rajo* [raja] melor sekolah agama melor.

**20. Sarul : Apakah subjek yang encik paling digemari semasa di bangku sekolah?**

Azaizuree : Subjek yang paling digemari *sayo* [saya] *pon* [pun] tak berapa [berapa] *nok* [nak] ingat (ketawa), tapi kalau yang paling *favourite* [kegemaran] *nye* [nya] yang melibatkan kokurikulum lah macam sukan lukis apa semua *tu* [itu] memang *favourite* [kegemaran] lah.

**21. Sarul : Apakah jawatan yang pernah disandang oleh encik semasa di bangku persekolahan?**

Azaizuree : Pengawas perpustakaan. Ketua pengawas

**22. Sarul : Dimanakah encik mendapat pendidikan pada peringkat diploma?**

Azaizuree : Di UiTM Shah Alam

**23. Sarul : Kenapakah encik memilih IPTA/IPTS ini?**

Azaizuree : Sebagai pilihan *sebabnyo* [sebabnya] (bunyi kereta) saya berminat *dia* [dia] punya subjek *hotel management* [pengurusan hotel] dan saya, Alhamdulillah saya dapat diploma pengurusan hotel di UiTM Shah Alam. Yang jadi minat *ke* [kepada] hotel *tu* [itu] sebab *maso* [masa] lepas *pado* [pada] spm saya buat *part-time* [kerja lebih masa] di hotel Sutera Inn. saya buat *part time* [kerja lebih masa] *kat* [di] situ lepas *tu* [itu] jadi minat untuk kerja *pasal* [tentang] *hospitality industry* [industri hospital] lah.

**24. Sarul : Apakah jawatan yang pernah disandang semasa menghabiskan peringkat diploma?**

Azaizuree : Peringkat diploma saya *tak* [tidak] *berapo* [berapa] aktif sangat *pasal* [kerana] jawatan *ni* [ini] sebab *sayo* [saya] lebih kepada gym. Masa di uitm shah alam *tu* [itu], *sayo* [saya] punya kawan-kawan *sayo* [saya] pon ramai yang *student* [pelajar] sains sukan. Jadi *sayo* [saya] *dok* [telah] kawan dengan orang sains sukan. *Sayo* [saya] main gym jadi semua aktiviti yang lain *tu* [itu] *sayo* [saya] jadi tak aktif (ketawa).

**25.Sarul : Apakah pencapaian yang pernah encik capai semasa sukan tersebut?**

Azaizure : Pencapaian Alhamdulillah *kiro* [kira] dari segi pertandingan *sayo* [saya] dah mewakili Kelantan untuk *Mister Malaysia* dan dapat tempat yang ke *empat* [4] untuk kategori *heavyweight* [berat badan] dan dari segi kursus apa semua. Alhamdulillah saya dah sampai ke tahap *tigo* [3] saya sukan tahap *tigo* [3] untuk kursus *pasal* [tentang] gym *bino* [bina] badan apa semua.

**26.Sarul : Selepas habiskan diploma, adakah encik meneruskan pengajian dalam peringkat ijazah?**

Azaizuree : Tidak saya terus bekerja dapat bekerja.

**27.Sarul : Semasa belajar, adakah encik mempunyai prinsip hidup atau pun kata-kata semangat semasa bergelar pelajar?**

Azaizuree : Ado [ada] memang prinsip *sayo* [saya] yang *sayo* [saya] kato tadi orang kata *nok* [hendak] jadi macam arwah ayah *tu* [itu] sebagai mentor *sayo* [saya] nak terus teruskan *go on* [teruskan] ke depan *samo* [sama] *jugok* [juga] macam bisnes terus *go on* [teruskan] ke depan yang *tu* [itu].

**28. Sarul : Apakah kenangan manis encik semasa bergelar pelajar IPTA?**

Azaizuree : Macam *ni* [ini] lah buat *assignment* [kerja kursus] (ketawa) *group* [kumpulan] dengan kawan-kawan seronok. Memang cukup seronok yang *tu* [itu] dengan kawan-kawan lah seronok.

**29. Sarul : Apakah kenangan pahit encik semasa bergelar pelajar IPTA?**

Azaizuree : Kenangan pahit *tu* [itu] *raso* [rasa] *tak ada* [tiada] sangat. *Tak ade* [tiada] kenangan pahit *takde* [tiada].

**30. Sarul : Apakah pekerjaan encik sekarang?**

Azaizuree : Saya berniaga. Berniaga yang melibatkan semua sukan lah. Yang gym salah satu. Yang keduanya, konsultan. Konsultan untuk gym lah.

**31. Sarul : Oh jadi selain daripada gym ada berniagalalah?**

Azaizuree : *Ha* [Ya], ada berniaga

**32. Sarul : Apakah nama syarikat atau perniagaan encik sekarang?**

Azaizuree : Newfort Extreme Sport Resources. Selain daripada gym itu, saya ada buka syarikat newfort textile. Jual kain-kain tudung, kain sembahyang, kain apa semua.



**33. Sarul : Dimanakah lokasi Gym Newfort?**

Azaizuree : Lokasi gym newfort, *ha* [ya] kalau *HQ* [ibu pejabat] dia nya di Pasir Pekan lah. Dan cawangan-cawangannya pertamanya di Kota Bharu, Jalan Merbau. Yang cawangan ketiganya, di *ha* [ya]. Pasir Mas. Sebelah balai polis Pasir Mas. Dan yang keempat di Terubok. Terubok Tumpat (perbualan dengan pekerja).

**34. Sarul : OK. Kita nak tahu Kenapa encik memilih tempat tempat tersebut untuk membina cawangan?**

Azaizuree : Tempat-tempat macam *tu* [itu] sebenarnya, saya lebih suka tempat yang luar bandar. *Ha* [ya] luar bandar sebab kita boleh bersama dengan *budok-budok* [budak-budak]. Kalau target *market* [*pasaran*], kalau dari segi target *market* [*pasaran*] nya, diluar bandar *tu* [itu] sebenarnya paling sesuai untuk buka tempat macam *ni* [ini], sebab kebanyakannya golongan remaja *ni* [ini] *tak de* (tiada) tempat *nak* (hendak) lepak, *tak de* (tiada) tempat untuk nak buat sesuatu. *Ha* [ya].. jadi *ha* [ya]. aktiviti *tak de* (tiada) tempat nak buat aktiviti jadi bila ada gym *diorang* [mereka] tertumpu, bukan setakat *nak* [hendak]. suruh tubuh *tu* [itu] jadi cantik tapi mengamalkan budaya hidup yang sihat. *Ha* [ya]. Itu yang faktor yang utama sekali.

**35. Sarul : Jadi apakah jawatan encik dalam organisasi ini?**

Azaizuree : Pengurus besar lah.

**36. Sarul : Ok. Sebelum pengurus besar ni ada tak jawatan lain?**

Azaizuree : *Ha [ya]. Tak de [tiada]* sebab saya bermula dengan saya sendirilah.  
Dengan syarikat saya sendiri.

**37. Sarul : Jadi bilakah encik memulakan pekerjaan dalam bidang gym ini?**

Azaizuree : Dalam bidang gym, tak silap saya betul lepas habis tamat nya belajar. Saya belajar UITM dulu ambil *Hotel Management* [pengurusan hotel], tapi *habih* [habis] *ja* [sahaja] belajar *tu* [itu] saya terus berkerja di Kementerian Belia Sukan, Kota Bharu lah. Duduk di kompleks belia sukan, saya dapat tawaran sebagai pegawai. Pegawai Sukan di Kompleks belia sukan, untuk uruskan gym rakyat, jadi gym rakyat Kota Bharu *ni* [ini] sayalah yang *setup* [membina] dulu, mula-mula sekali. Lepas daripada *tu* [itu] saya dapat tawaran menjadi duta. Duta fitness di Hotel Renaissance ,Kota Bharu. Selepas pada Renaissance *tu* [itu] lah saya pun *start* [mula] buka sendiri.

**38. Sarul : Jadi dah berapa lama Newfort gym ini diwujudkan?**

Azaizuree : Newfort gym ini dalam *lima* [5] tahun.

**39. Sarul : Bagaimanakah encik mendapat modal untuk melakukan perniagaan ini?**

Azaizuree : Saya kumpul sendiri, *start* [mula] daripada tapi banyak lagi daripada Renaissance lah sebab dia punya *income* [pendapatan] pun memang banyak. Saya buat *Personal Trainer* [pelatih peribadi] *kat* [dekat] situ, memang saya kumpul sendiri. *Tak ade* [tiada] buat *loan* [pinjaman] ke bank ke ape semua *tak ada* [tiada].

**40. Sarul : Memang usaha sendiri lah ya?**

Azaizuree : Semua empat buah gym saya *cash* [tunai], *tak ade* [tiada] buat *loan* [pinjaman] bank apa semua. Daripada awal lagi.

**41. Sarul : Agak agak berapa modal untuk semua ni?**

Azaizuree : Dekat setengah juta. Untuk semua cawangan lain.

**42. Sarul : Jadi ada berapa jumlah pekerja yang bekerja di Newfort Gym ini?**

Azaizuree : Pekerja nya saya lantik setiap gym saya lantik seorang *manager* [ketua] dan *dua* [2] orang *trainer* [pelatih]. Bermakna dalam *empat* [4] *kali* [darab] *empat* [4] la. *Tiga* [3] *kali* [darab] *empat* [4] la.

**43. Sarul : Berapakah jumlah ahli yang sudah berdaftar dengan Newfort Gym ini?**

Azaizuree : Kalau setakat *ni* [ini] kalau ahli yang aktif dalam *lapan ratus* [800] lebih. *Ha* [ya]. Kalau yang telah berdaftar *tu* [itu] *dua ribu* [2000] lebih, kalau nak kira *empat* [4] cawangan *tu* [itu]. *Ha* [ya].. *dua ribu* [2000] lebih la.

**44. Sarul : Apakah kelebihan yang akan diterima oleh ahli sekiranya mereka berminat mendaftar sebagai ahli?**

Azaizuree : Ada. Kelebihan-kelebihannya. *Ha* [ya]. Pemantauan daripada *trainer* [pelatih] lebih sikit, lepas *tu* [itu] dari segi belian , makanan tambahan, *supplement* [makanan tambahan] dia apa semua vitamin apa semua dapat diskaun semua.

**45. Sarul : Bagi pendapat encik, adakah perniagaan ini wajar dikembangkan ke luar negara dan luar negeri?**

Azaizuree : Pendapat saya memang patut, sebabnya di gym *ni* [ini] bukan setakat untuk sukan yang nak mencantikkan tubuh badan tapi untuk *nak* [hendak] menyihatkan *ore* [orang]. *Ha* [ya]. *Itu* [itu] yang menjadi faktor utama yang mana saya sebagai boleh tubuhkan kelab lah. *Satu* [1] kelab yang boleh dikatakan paling besar di Kelantan. Sebab kita boleh tarik orang ramai, budak-budak apa semua memperkenalkan budaya hidup yang sihat.

**46. Sarul : Bolehkah encik menceritakan apakah kelebihan Newfort gym ini?**

Azaizuree : Kelebihan gym *ni* [ini] pertama sekali gym *ni* [ini] dah menjadi macam rumah nombor *dua* [2] untuk dikalangan ahli-ahli. *ha* [ya]. Sebab *tu* [itu] dia sentiasa berkembang. Pertama sekali dari segi macam gym saya sendiri saya lebihkan pada aktiviti-aktiviti (bunyi suara ahli gym) luar macam saya buat anjurkan *competition* [pertandingan] macam bina badan, badan cantik macam *tiga* [3] *empat* [4] hari lepas saya buat pertandingan badan cantik di Hotel Sutera Inn, Kota Bharu. Pertandingan badan cantik kita boleh buat lepas *tu* [itu] anjurkan gusti lengan bermakna macam macam aktiviti yang kita boleh wujudkan melalui gym untuk nak *tackle* [pikat] budak-budak *ni* [ini] sebab masa sekarang *ni* [ini] masalah sosial dah makin melampau dah. Jadi benda-benda macam *ni* [ini] yang boleh elakkan sebenarnya. (bunyi lagu)

**47. Sarul : Apakah langkah yang akan dilakukan bagi meningkatkan nama Newfort gym ini supaya diterima dan dikenali ramai?**

Azaizuree : Langkahnya dari segi promosi nya melalui aktiviti lah, *support* [sokongan] daripada *government* [kerajaan] pun mengenai program-program yang akan kita buat contoh macam Kelantan Loose Weight Challenge. *Tu* [itu] perlukan *support* [sokongan] daripada sektor luar, contohnya macam yang kerajaan punya ke

ada, geran ataupun peruntukan untuk buat, macam sekarang *ni* [ini] *planning* [rancangan] saya, saya nak buat pertandingan turunkan berat badan. *Ha* [ya]. Kelantan Loose Weight Challenge, *ha* [ya]. *tu* [itu] *target* [sasaran] yang saya nak buat. Kita kumpulkan orang yang badan besar untuk turunkan berat badan *diorang* [mereka].

**48. Sarul : Bagaimanakah encik mentadbir urus Newfort Gym ini dan juga cawangan-cawangan lain?**

Azaizuree : Pentadbiran gym *ni* [ini] saya dari awal lagi saya sebab saya *monitor* [mengawal], saya dah lantik setiap gym saya *tu* [itu] saya dah lantik *manager* [pengurus]. Jadi *manager* [pengurus]. *Ni* [ini] lah yang menguruskan, saya punya perjalanan gym. Jadi saya *ni* [ini] hanya *monitor* [mengawal] lah. *Monitor* [pentadbir] pergi ke setempat setempat gym. Dari segi pengurusan *tu* [itu] saya rasa (ketawa) tak boleh nak bagitahu sebab saya uruskan macam *tu* [itu]. Saya lantikkan *manager* [pengurus] untuk uruskan gym saya. Jadi *manager* [pengurus] itulah yang meneruskan operasi harian waktu gym bukalah.

**49. Sarul : Semasa mentadbir Newfort gym ini, adakah prinsip atau peraturan yang encik laksanakan semasa mentadbir Newfort gym ini?**

Azaizuree : Menguruskan Newfort Gym *ni* [ini] saya hanya berpegang pada kakitangan saya *tu* [itu] saya buat *satu* [1] keluarga. *Ha* [ya] saya buat macam *family* [keluarga]. Jadi secara tak langsung, keluarga dia tak makan sesama keluarga. Jadi saya buat macam *tu* [itu] lah. Konsep anak buah , konsep keluarga, adik beradik macam *tu* [itu] lah saya buat.

**50. Sarul : Semasa menguruskan Newfort gym, adakah encik pernah mengalami isu yang menjejaskan keuntungan perniagaan ini?**

Azaizuree : Ada sentiasa ada. Tambah-tambah lagi sebab kita dalam *business* [perniagaan] gym *ni* [ini] kebiasaanya yang paling *slow* [perlahan] sekali dalam bulan *poso* [puasa] memang *business* [perniagaan] memang *down* [menurun] tapi, sebab *tu* [itu] saya ambil inisiatif lain saya buka *pulak* [pula] Newfort Textiles. *Thats mean* [bermakna] dalam bulan *poso* [puasa] *tu* [itu], Newfort Textile lah yang akan dapat *income* [pendapatan] lebih sikit. *Kain telekung* [kain tudung] yang macam saya jual itu [itu].

**51. Sarul : Bagi pendapat encik, apakah perspektif orang awam tentang Newfort gym ini?**

Azaizuree : Setakat ini alhamdulillah. Orang awam kira boleh terima lah. Walaupun dalam gym kita *ni* [ini] (bunyi lagu) Macam sekarang lah dari segi lagu kena pasang kuat , tapi di sekitar *ni* [ini] kalau malam-malam duduk *kat* [di] bawah boleh dengar lagi tapi orang boleh terima sebab dia, bagi *diorang* [mereka] kita buat *business* [perniagaan] yang menyihatkan orang, bukan kata melalaikan orang, bukan yang melibatkan untuk peningkatan masalah sosial.

**52. Sarul : Kita nak tanya pula lah mengenai kenangan manis encik semasa menguruskan perniagaan gym ini?**

Azaizuree : Kenangan manis *tu* [itu]. Memang banyaklah tapi yang paling saya ingat seronok sekali, saya ada, selama saya uruskan gym, macam *customer* [pelanggan] saya, *customer* [pelanggan] sampai peringkat saya daripada dia *tu* [itu] tak ade [tiada] apa-apa. Sampai saya didik dia masukkan dia *competiton* [pertandingan]. Dia punya pencapaian dia alhamdulillah, dah dua kali dah yang terbesar sekali tahu *dua ribu sebelas* [2011] masuk sukma. Dapat *bawak* [bawa] balik pingat emas lah. Pingat emas Kelantan untuk Kelantan. *First time* [kali pertama] Kelantan hantar atlit bina badan dalam sukma dan kali pertama *tu* [itu] dapat pingat emas. *Tu* [itu] memang cukup kenangan manis lah



**53. Sarul : Apakah kenangan pahit encik semasa menguruskan perniagaan gym ini?**

Azaizuree : Kenangan pahit, biasa nya *saingan* [persaingan] lah. Sekarang *ni* [ini] dah banyak gym .Jadi *tu* [itu] jadi tiap laki dengar gym kat sana ada baru buka lah. *Ha* [ya] *tu* [itu] kenangan pahitlah *tu* [itu].

**54. Sarul : Di sekitar sekitar ni ada tak?**

Azaizuree : Di sekitar sini alhamdulillah tak ada lagilah. Tapi kalau gym saya di Kota Bharu *tu* [itu] dah ade dekat *enam* [6] buah gym. *Enam* [6] buah saingan lah. Memang Orang dah nampak dah *business* [perniagaan] *tu* [itu].

**55. Sarul : Adakah encik ada menyertai sebarang aktiviti persatuan?**

Azaizuree : Ada. Persatuan.

**56. Sarul : Apakah nama persatuan itu?**

Azaizuree : Persatuan *tu* [itu] nama MERAK (bunyi mesej telefon bimbit). Minda Evolusi Rempit Anak Kelantan. Yang mana saya kumpulkan mat-mat rempit di seluruh kawasan negeri Kelantan untuk bernaung di bawah kelab sayalah, MERAK. Yang mana saya *start* [mula]

dengan *empat* [4] kawasan dulu. *Empat* [4] kawasan *tu* [itu] pun di kalangan di kawasan gym saya. Asalnya adalah daripada *customer* [pelanggan] lah, Budak-budak mat rempit *ni* [ini] dia masuk gym *ni* [ini] sebenarnya tujuan dia , dia nak naikkan tubuh , nak suruh nampak *handsome* [kacak], dapat *tackle* [memikat] *awek* [teman wanita] apalah. Niat dia macam *tu* [itu], *last* [akhir] sekali jadi niat *tu* [itu] dah lari dah. Dah *training* [berlatih] dalam *sepuluh* [10] malam dah penat dah. *Diorang* [mereka] dah tidur dah. Biasanya mat rempit *ni* [ini] pukul *satu* [1] pukul *dua* [2] *tu* [itu] dia aktif nak main motor *tu* [itu]. Bila dah main gym dalam pukul *sebelas* [11] dah ngantuk dah ( ketawa). Dia terus tidur. Jadi masalah sosial *tu* [itu] alhamdulillah lah. Sebab *tu* [itu] kelab Merak *ni* [ini] orang kata jadi kelab yang boleh dikatakan nombor *satu* [1] lah sekarang *ni* [ini], kelab motor.

**57. Sarul : Jadi tujuan dia untuk mengelakkan masalah sosial lah?**

Azaizuree : Ya. *Tu* [itu] tujuan dia.

**58. Sarul : Bilakah persatuan ini diwujudkan?**

Azaizuree : Persatuan *ni* [ini] diwujudkan, tak silap saya dah *empat* [4] tahun dah.

**59. Sarul : Bermula tahun?**

Azaizuree : Mula tahun tak ingat saya dalam *dua ribu sepuluh* [2010] macam *tu* [itu] lah.

**60. Sarul : Apakah jawatan encik di dalam kelab ini?**

Azaizuree : Presiden.

**61. Sarul : Dah lama jadi Presiden?**

Azaizuree : Mula-mula tubuh *tu* [itu] memang Presiden. Sebab saya la yang tubuhkan persatuan *tu* [itu].

**62. Sarul : Adakah persatuan ini mendapat pengiktirafan dari pihak yang berwajib?**

Azaizuree : Ada. Pengiktirafan dia menjadi NGO yang pertamalah anugerah pada tahun *dua ribu dua belas* [2012]. Oleh kerajaan negeri Kelantan lah.

**63. Sarul : Berapakah ahli yang mendaftar di dalam persatuan MERAK?**

Azaizuree : Dalam *empat ribu enam ratus* [4600] orang dah.

**64. Sarul : Adakah persatuan ini mendapat sokongan dari golongan muda?**

Azaizuree : Ada. Memang daripada golongan muda. Terutama sekali, budak-budak motor.

**65. Sarul : Adakah kelab ini selalu melakukan aktiviti untuk menyokong sesuatu peristiwa yang terjadi?**

Azaizuree : Selalu. Memang ada lah.

**66. Sarul : Bolehkah encik menceritakan sedikit tentang aktiviti yang pernah dilakukan oleh kelab ini?**

Azaizuree : Kalau aktiviti kebanyakannya, aktiviti konvoi lah. Konvoi. Lepas *tu* [itu] macam aktiviti amalnya cuci kubur, buat rumah orang susah apa semua biasa kita buatlah.

**67. Sarul : Selalunya aktiviti konvoi tu dari mana ke mana?**

Azaizuree : Biasanya aktiviti konvoi *ni* [ini] sebab kita punya ahli ramai , terlalu ramai. Nak berkonvoi ke tempat jauh *tu* [itu] memang susah. Sebab masalah trafik, polis apa semua . Jadi kebanyakannya konvoi *ni* [ini] konvoi kawasan dalam kawasanlah. Dalam kawasan Kelantan lah. Sebab kita punya konsep ahli MERAK *ni* [ini] kita tubuh melalui kawasan-kawasan. Setiap kawasan kita ada *sorang* [seorang] Komander, bawah komander ada *team leader* [ketua kumpulan],

bawah *team leader* [ketua kumpulan], *assistant leader* [pembantu ketua]. *Pastu* [selepas itu] barulah ahli-ahli. Setiap *team leader* [ketua kumpulan] *tu* [itu] ada dalam *dua puluh lima* [25] orang ahli. Jadi setiap kawasan *tu* [itu] kita buat macam konvoi kunjung hormatlah. Biasa buat macam *tu* [itu] lah. Sebab kita setiap kali berkonvoi dalam *tujuh ratus* [700] *lapan ratus* [800] biji motor. Itu yang jadi bermasalah trafik kalau kita nak berkonvoi jauh.

**68. Sarul : Apakah harapan encik terhadap golongan muda yang menyertai kelab ini?**

Azaizuree : Harapan saya nya, agar tidak melakukan kegiatan yang orang kata menyalahi undang undang lah sebenarnya. Niat nak mula tubuh *tu* [itu] pun kira nak mengelakkan daripada *diorang* [mereka] *ni* [ini] merempit. Sebab setiap ahli kelab kita akan bagi *sticker* [pelekat] kelab di untuk dilekatkan di motor. Jadi nak menjaga nama naik kelab, tak boleh nak merempit denagn adanya sticker di motor. Itu sebenarnya taktik kita untuk nak mengelakkan *diorang* [mereka] *ni* [ini] merempit. *Ha* [ya], macam *tu* [itu] lah.

**69. Sarul : Adakah encik akan sentiasa meneruskan persatuan ini selamanya?**

Azaizuree : Akan teruskan. Sebab saya tengok dari segi kebaikannya dia nya banyak. Disebabkan kebaikannya banyak *tu* [itu] lah sebab saya

fikir akan teruskan benda *ni* [ini]. Tapi tak tahulah siapa bila (Ketawa) tapi dalam hatinya memang teruskan sampai bila bila lah.

**70. Sarul : Bagi pendapat encik, wajarkah kelab ini diluaskan ke luar negeri?**

Azaizuree : Keluar negeri *tu* [itu] rasa, rasa pertama sekali memang ada niat juga tapi disebabkan nama kelab kita *tu* [itu] anak kelantan, *haa* [ya].. minda evolusi rempit anak kelantan. Jadi saya hanya tumpukan kepada rakyat kelantan, macam *tu* [itu] lah.

**71. Sarul : Apakah sebab kelab ini wajib diluaskan ke peringkat yang lebih tinggi?**

Azaizuree : Dia sebenarnya untuk menarik minat budak-budak motor lah. Bila dia tengok kelab kita *ni* [ini] sampai mana tahu suatu hari nanti menganjurkan cuba pax ke apa semua kan. Jadi nak mengelakkan budak-budak *ni* [ini] daripada merempit berlumba di jalan raya daripada berlumba di tempat yang disediakan untuk berlumba. Jadi nak mendisiplinkan *diorang* [mereka] *tu* [itu] kena ada satu [1] orang kata *guideline* [panduan] untuk budak-budak *ni* [ini] melalui MERAK lah. Itu yang utama sekali *tu* [itu].

**72. Sarul : Apakah harapan encik terhadap kelab MERAK ini?**

Azaizuree : Akan sentiasa mendapat sokongan lah. Dapat sokongan daripada ahli-ahli ataupun daripada golongan golongan muda. Macam *tu* [itu] lah.

**73. Sarul : Bukan sahaja dari golongan muda lah?**

Azaizuree : *Haa* [ya].. Semua sekali lah.

**74. Sarul : Selain daripada jawatan presiden Newfort dan kelab presiden persatuan MERAK adakah abang memegang jawatan jawatan lain?**

Azaizuree : Ada. Yang pertama sekali yang melibatkan sukan lah. Jadi presiden persatuan bina badan kelantan pun, saya sebagai presiden lah kelab persatuan bina badan kelantan dan juga persatuan sukan lengan kelantan pun saya sebagai presiden lah. Kebanyakannya ahli ahli persatuan bina badan dengan persatuan sukan lengan pun di kalangan ahli-ahli Newfort.

**75. Sarul : Apakah tujuan kelab sukan lengan tangan ni ditubuhkan?**

Azaizuree : Dia sukan lengan *ni* [ini] sebenarnya kita tubuh *tu* [itu] untuk salah *satu* [1] aktiviti orang kata, dia sebenarnya orang kata tempat luar *tu* [itu] sukan yang dah lama dah sebenarnya yang ditubuhkan. Jadi kita fokus di Kelantan *ni* [ini] macam matlamat saya *ni* [ini] saya nak

masuk, nak bagi pendedahan kepada golongan muda agar minat untuk kejohanan untuk masuk kejohanan sukan lengan *ni* [ini] sebab untuk mengelakkan daripada masalah-masalah orang kata cabar-mencabar bergaduh apa semua dia terus mencabar untuk *arm wrestling* [gusti lengan]. Itu yang sebenarnya boleh atasi lah.

**76. Sarul : Setakat ni adakah jenis jenis aktiviti yang dilakukan oleh persatuan lengan tangan?**

Azaizuree : Ada. Kita buat kejohanan arm wrestling, peringkat kelantan kelasan tertutup dan dalam bulan *lapan* [8] *ni* [ini] kita, salah seorang *atlet* [atlit] daripada kelantan telah terpilih untuk pergi ke Jepun untuk menyertai kejohanan sukan lengan dunia.

**77. Sarul : Siapakah nama beliau?**

Azaizuree : Nama Zawawi. Zawawi dan dia juga sebagai pengurus di gym Newfort Pasir Pekan lah.

**78. Sarul : Bagi pandangan encik, apakah pandangan msayarakat umum tentang sukan lengan tangan?**

Azaizuree : Dia kalau pandangan masyarakat umum *tu* [itu] dia ada nampak negatif, negatif sikit. Sebab dia nampak macam kita nak bagi kuat apa semua kan , tapi macam sebenarnya macam saya kata tadilah dia sukan lengan *ni* [ini] boleh dikatakan untuk nak mengeratkan



hubungan diantara *satu* [1] sama lain lah sebenarnya. Tidak lah nak kata dari segi bergaduh *tu* [itu] *tak ade* [tiada] lah, untuk nak mengelakkan daripada *tu* [itu] lah.

**79.Sarul : Setakat ini sudah ada berapa aktiviti yang dilakukan?**

Azaizuree : Banyak. Boleh dikatakan *tiga* [3] bulan sekali kita buat kejohanan sukan lengan, diantara gym gym lepas *tu* [itu] yang paling terbesar sekali di kelantan lah peringkat kelantan tertutup.

**80.Sarul : Kebanyakan daripada ahli yang menyertai adakah golongan muda atau pun yang sudah berusia?**

Azaizuree : Semua ada. Daripada muda sampai ke yang berusia. Sama banyak.

**81.Sarul : Bagi encik apakah harapan untuk sukan lengan tangan ini?**

Azaizuree : Harapan abang nya abang nak cari lebih banyak *atlet* [atlit] lah dan biar *diorang* [mereka] mudah terima pasal lengan tangan *ni* [ini] Itu lah.

**82. Sarul** : Bagi pandangan abang sendiri , seperti mana yang kita tahu gusti lengan tidak begitu popular di kalangan sukan. Jadi adakah abang rasa apa yang telah dilakukan ini dapat membantu sedikit sebanyak menaikkan nama sukan lengan ni?

Azaizuree : Ada memang yang pertama sekali macam atlet kita lah yang kelantan *ni* [ini] terpilih untuk menyertai kejohanan sukan lengan peringkat dunia bawah tajaan 'world arm wrestling federation' di Jepun dalam bulan *lape* [8] ini.

**83. Sarul** : Selain daripada Jepun ada?

Azaizuree : Selain daripada Jepun ada juga tapi dia sebab tahun *ni* [ini] Jepun yang tuan rumah untuk 'world arm wrestling federation'. Jadi Jepun tuan rumah buat di jepun lah. Biasa nya dia akan buat diseluruh dunia lah sebab kita persatuan sukan lengan kelantan *ni* [ini] dia di bawah gabungan persatuan sukan lengan Malaysia, yang Malaysia pula bawah gabungan 'world arm wrestling federation'.

**84. Sarul : Adakah kelab ini pernah menerima sijil-sijil pencapaian atau pengiktirafan?**

Azaizuree : Sebab kelab sukan lengan *ni* [ini] baru ditubuhkan, rasa dalam setahun lebih *tu* [itu]. Setakat *ni* [ini] takde [tiada] yang beruntungnya kita sebab atlit kita *tu* [itu] yang sebenarnya atlit kita sebelum *ni* [ini] kelab Johor yang beli, yang bernama Zawawi *ni* [ini] Johor yang beli sebab dia duduk kerja di Johor, lepas *tu* [itu] sekarang *ni* [ini] dia, saya buka gym di Pasir Pekan *ni* [ini] saya terus *tarik* [ambil] dia kerja dengan saya duduk di Kelantan dan terus kita *highlight* [lambangkan] kan dia *ni* [ini] sebagai atlit Kelantan lah.

**85. Sarul : Adakah encik mempunyai sebarang pesanan terhadap generasi muda yang ingin bergiat dalam bidang keusahawanan dan permotoran ini?**

Azaizuree : Bagi saya, kalau untuk pesanan *tu* [itu] untuk melakukan apapun kita ada kena target dan kena berani mencuba. Berani mencuba. Macam saya, mula-mula sekali buka gym *tu* [itu] , dengan modalnya banyak , dengan saya orang pertama yang buka gym sendiri. Kalau nak diikutkan rasa takut *tu* [itu] memang perasan takut *tu* [itu] lah. Sebab modal untuk buka gym *ni* [ini], untuk buka business saya *ni* [ini] beratus ribu. Dalam ratus ribu. Jadi benda-benda macam *tu* [itu] kita kena berani. Bila dah *once* [sekali] kita dah pilih jalan yang kita pilih *tu* [itu], kena teruskan. Sampai sekarang alhamdulillah. *Satu*

[1] sampai ke *empat* [4] cawangan lah. Dengan tanpa ada *loan* [pinjaman] daripada bank apa semua, Alhamdulillah.

**86. Sarul : Apakah pencapaian yang pernah encik kecap sepanjang kerjaya encik menguruskan gym ini?**

Azaizuree : Pencapaian kalau yang diiktirafkan *tu* [itu] setakat *ni* [ini] tak adalah tapi kebanyakan nya daripada *customer* [pelanggan] yang macam saya sebut tadi menang pingat emas sukma menang gym rakyat pertandingan diantara gym apa semua macam *tu* [itu] lah.

**87. Sarul : Adakah ahli-ahli yang menyertai gym ini pernah terlibat dalam pertandingan?**

Azaizuree : Ya ada ramailah boleh dikatakan yang ada nama skarang *ni* [ini] dalam *tujuh* [7] *lape* [8] orang berasal dari gym sayalah.

**88. Sarul : Apakah peringkat dan pertandingan yang disertai?**

Azaizuree : Peringkat peringkat yang paling tertinggi sekali peringkat asia *ho* [ya] asia. Anugerah asia.

**89.Sarul : Bolehkah encik berkongsi sedikit tentang kejayaan dan kegagalan semasa melakukan aktiviti ini?**

Azaizuree : *Biaso* [biasa] *kalu* [kalau] yang saya anjurkan pertandingan *tu* [itu] yang menjadi kegagalan *tu* [itu] dari segi penyertaan peserta *dio* [dia] dari segi masa yang peserta *nok* [hendak] menyer --- *nok* [nak] pendaftaran peserta *tu* [itu] mengambil masa yang lama macam yang saya buat dalam minggu lepas *tu* [itu] sampai pukul *pat* [4] baru start [mula] pertandingan yang mana dalam jadualnya pukul *dua* [2] kita nak mulakan pertandingan jadi dari segi masa lah sebab orang cukup minat pasal aktiviti *ni* [ini] sekarang *tu* [itu] yang menjadi ahli *pon* [pun] semakin ramai.

**90.Sarul : Apakah saranan dan perasaan encik semasa mendapat pencapaian ini?**

Azaizuree : Maksudnya ada memang sentiasa kita bagi semangat bagi dorongan dan *support* [sokongan] dari segi kewangan *pon* [pun] ada sebab sukan *ni* [ini] sukan yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi dia punya *diorang* [mereka] punya *supplement* [bekalan] sekurangnya *nam ratus* [600] sebulan untuk pemakanan *diorang* [mereka] *saja* [sahaja] sebab pertandingan *ni* [ini] pertandingan melibatkan (pekerja bertanya) *nok* [hendak] besar otot *rip* [kembangkan] otot jadi besar otot apa semua *tu* [itu] melibatkan

makan. Tak makan tak besar *tu* [itu] yang jadi perbelanjaan *tu* [itu] menjadi tinggi *tu* [itu] sebagai kito *support* [sokong] lah.

**91.Sarul : Sebagai pemilik gym ini, apakah perasaan encik apabila mendapat anugerah dan pencapaian yang cemerlang seperti kejayaan di Asia?**

Azaizuree : Alhamdulillah memang cukup seronok lah dan bagi saya *tu* [itu] pertama sekali *nyo* [lah] dari segi *marketing* [pasaran] syarikat *at least* [sekurangnyanya] ada *atlet* [atlit] yang keluar dari yang daripada gym saya sendiri dapat anugerah macam *tu* [itu].

**92.Sarul :Adakah encik mempunyai sebarang rancangan bagi meningkatkan prestasi Newfort Gym ini dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang?**

Azaizuree : Perancangan *tu* [itu] ada beberapa aktiviti lah yang bakal kita buat melibatkan aktiviti program Kelantan weight loss challenge *tu* [itu] target saya yang saya akan buat lah mungkin saya akan bekerjasama dengan yang apa *ni* [ini] sektor media sekali. *Tu* [itu] untuk salah *satu* [1] promosi lah.

**93. Sarul : Semasa menguruskan kelab MERAK, apakah sumbangan ataupun aktiviti yang telah dilakukan?**

Azaizuree : Aktivitinya macam yang saya sebut tadi lah macam *cuci* [mencuci] kubur benda-benda yang melibatkan kebajikan. Kita tunjukkan kepada masyarakat yang mat rempit *ni* [ini] boleh bersama untuk melakukan aktiviti kebajikan lah

**94. Sarul : Adakah encik pernah mengalami masalah semasa melakukan aktiviti permotoran?**

Azaizuree : Mengalami masalah *tu* [itu] sentiasa ada lah sebab diantara ahli-ahli merak *ni* [ini] kebanyakannya budak-budak mat rempit (ketawa) *tu* [itu] yang jadi susah sikit kita nak *tackle* [halang] *diorang* [mereka] *nih* [ini] jadi budak-budak yang bermasalah semua jadi Alhamdulillah lah walaupun susah pon [pun] kita teruskan *jugak* [juga] dan *diorang* [mereka] *pon* [pun] jadi jadi ikut sama.

**95. Sarul : Dalam aktiviti konvoi itu sendiri, ada terjadi masalah ke tidak?**

Azaizuree : Macam yang saya kata tadi lah mat rempit *ni* [ini] kadang-kadang kalau berkonvoi ramai-ramai *tu* [itu] yang ada *wheelie* [angkat] motor lah *tu* [itu] yang jadi *satu* [1] masalah.

**96. Sarul : Bagi encik apakah cara menyelesaikan masalah ini?**

Azaizuree : Yang langkah langkah yang macam saya *bagitahu* [beritahu] tadi lah saya perkenalkan merak *ni* [ini] agar merak dipandang pandangan *diorang* [mereka] *ni* [ini] merak *ni* [ini] hebat. Bila saya bagi *bagitahu* [beritahu] macam contoh yang saya *bagitahu* [beritahu] tadi sticker *moto* [motosikal] tu [itu] *kalu* [kalau] di moto *tuh* [itu] tak boleh kena menghormati kelab apa semua. Saya buat macam *tu* [itu] lah.

**97. Sarul : Apakah harapan encik terhadap gym Newfort dan kelab MERAK ini?**

Azaizuree : Harapan saya agar terus maju lah dalam jangka masa yang panjang *walaupun* [walaupun] persaingan semakin ramai semakin banyak tapi Alhamdulillah lah.

**98. Sarul : Apakah langkah-langkah yang akan diambil pada masa hadapan selain meneruskan perniagaan dalam bidang sukan.**

Azaizuree : Saya rasa perniagaan sukan *nih* [ini] *dah* [sudah] jadi sebahagian dalam hidup saya. Orang pun dah kenal saya *ni* [ini] bisnes sukan dalam bisnes sukan. Jadi saya rasa saya akan teruskan dalam bisnes sukan *nih* [ini] sampai bila bila.



**99. Syafiq : Jadi, kami rasa setakat ini sahaja sesi temubual kami bersama encik Azaizuree. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada encik Azai kerana sudi memberikan kerjasama dan meluangkan masa untuk ditemubual sebagai tokoh usahawan. Sekian terima kasih.**

Azaizuree : Terima kasih.

**Log wawancara**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/ TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
01.22	Nama penuh tokoh	1) Azaizuree bin Ahmad
01.29	Nama samaran tokoh	1) Aza
02.08	Negeri asal kelahiran tokoh	1) Kelantan
02.14	Nama tempat kelahiran tokoh	1) Selisng
02.33	Latar belakang bapa tokoh	1) Melor 2) London
03.45	Tempat encik berkahwin	1) Baitillah
04.08	Latar belakang isteri encik	1) Pasir mas
04.48	Nama isteri tokoh	1) Siti nurazrin
06.30	Tempat tokoh mendapat pendidikan peringkat sekolah	1) Sekolah Rendah Kebangsaan Melor 2) Sekolah Agama Padang Raja Melor
07.38	Tokoh meneruskan pengajian di peringkat diploma	1) UiTM Shah Alam
09.04	Pencapaian yang tokoh pernah kecap	1) Mister Malaysia
11.30	Nama syarikat atau perniagaan tokoh	1) Newfort Extreme Sport Resources 2) Syarikat Newfort Textile
11.44	Lokasi atau cawangan Gym Newfort	1) Pasir Pekan 2) Kota Bharu 3) Pasir Mas 4) Terubok
17.31	Lokasi mengadakan pertandingan badan cantik	1) Hotel Sutera Inn, Kota Bharu
18.44	Langkah meningkatkan nama Newfort Gym	1) Kelantan Lose Weight Challenge
24.34	Nama persatuan yang dicipta	1) MERAK (Minda Evolusi Rempit Anak Kelantan)

33.59	Aktiviti yang dilakukan oleh persatuan lengan tangan	1) Kejohanan arm wrestling 2) Jepun
34.25	Nama atlit sukan lengan tangan yang ke Jepun	1) Zawawi 2) Pasir Pekan 3) Johor
39.41	Pencapaian atlit semasa tokoh mentadbir gym ini	1) Pingat emas sukma
40.34	Peringkat dan pertandingan yang disertai oleh ahli Gym Newfort	1) Anugerah Asia

**INDEX****A**

arkitek, 2  
Azaizuree, 1, 2, 3,

**B**

badminton, 4  
Baitillah, 3

**E**

Evolusi, 17

**G**

Gym, 1, 9, 11, 12, 14, 15, 30

**H**

hotel management, 6  
Hotel Renaissance, 10  
Hotel Sutera Inn, 13

**I**

Isteri, 3

**J**

Jalan Merbau, 9

**K**

Kelantan, 1, 7, 13, 14, 16, 17, 19, 20,  
22, 23, 24, 25, 26, 27, 30  
Kelantan Weight Loss Challenge, 30  
Kementerian Belia Sukan, 10  
Kompleks belia sukan, 10  
Konsultan, 8  
Kota Bharu, 9, 10, 13, 17

**L**

London, 2

**M**

*marketing*, 29  
mekah, 3  
Melor, 2, 5  
merak, 1, 31  
*Mister Malaysia*, 7

**N**

Newfort Extreme Sport Resources, 9  
newfort textile, 9

**P**

Pasir Mas, 3, 9  
Pasir Pekan, 9, 24, 26  
Pegawai, 10  
pingpong, 4  
Presiden, 19

**S**

sekolah rendah kebangsaan Melor, 5  
Selising, 1  
Siti nurazrin, 3

**T**

Terubok, 9  
Tumpat., 9

**U**

UiTM Shah Alam, 6

## Senarai soalan

1. Apakah nama penuh encik Azaizuree dalam IC?
2. Apakah nama panggilan samaran encik?
3. Berapakah umur encik?
4. Bilakah tarikh kelahiran encik?
5. Dimanakah negeri asal encik?
6. Dimanakah encik dilahirkan?
7. Berapakah jumlah adik-beradik encik?
8. Encik anak ke berapa?
9. Bolehkan encik menceritakan serba sedikit tentang bapa encik?
10. Apakah pekerjaan bapa encik?
11. Adakah encik sudah berkahwin?
12. Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai isteri encik?
13. Nama isteri encik?
14. Berapakah jumlah anak encik sekarang?
15. Apakah hobi encik?
16. Ada tak selain dari gym?
17. Dimanakah encik mendapat pendidikan sekolah rendah?
18. Dimanakah encik mendapat pendidikan sekolah menengah?
19. Apakah subjek yang encik paling digemari semasa di bangku sekolah?
20. Apakah jawatan yang pernah disandang oleh encik semasa di bangku persekolahan?

21. Dimanakah encik mendapat pendidikan pada peringkat diploma?
22. Kenapakah encik memilih IPTA/IPTS ini?
23. Apakah jawatan yang pernah disandang semasa menghabiskan peringkat diploma?
24. Apakah pencapaian yang pernah encik capai semasa sukan tersebut?
25. selepas habiskan diploma, adakah encik meneruskan pengajian dalam peringkat ijazah?
26. Semasa belajar, adakah encik mempunyai prinsip hidup ataupun kata-kata semangat semasa bergelar pelajar?
27. Apakah kenangan manis encik semasa bergelar pelajar IPTA?
28. Apakah kenangan pahit encik semasa bergelar pelajar IPTA?
29. Apakah pekerjaan encik sekarang?
30. Oh jadi selain daripada gym ada berniaga?alah?
31. Apakah nama syarikat atau perniagaan encik sekarang?
32. Dimanakah lokasi Gym Newfort?
33. OK. Kita nak tahu Kenapa encik memilih tempat tempat tersebut untuk membina cawangan?
34. Jadi apakah jawatan encik dalam organisasi ini?
35. Ok. Sebelum pengurus besar ni ada tak jawatan lain?
36. Jadi bilakah encik memulakan pekerjaan dalam bidang gym ini?
37. Jadi dah berapa lama Newfort gym ini diwujudkan?
38. Bagaimanakah encik mendapat modal untuk melakukan perniagaan ini?

39. Memang usaha sendiri lah ya?
40. Agak agak berapa modal untuk semua ni?
41. Jadi ada berapa jumlah pekerja yang bekerja di Newfort Gym ini?
42. Berapakah jumlah ahli yang sudah berdaftar dengan Newfort Gym ini?
43. Apakah kelebihan yang akan diterima oleh ahli sekiranya mereka berminat mendaftar sebagai ahli?
44. Bagi pendapat encik, adakah perniagaan ini wajar dikembangkan ke luar negara dan luar negeri?
45. Bolehkah encik menceritakan apakah kelebihan Newfort gym ini?
46. Apakah langkah yang akan dilakukan bagi meningkatkan nama Newfort gym ini supaya diterima dan dikenali ramai?
47. Bagaimanakah encik mentadbir urus Newfort Gym ini dan juga cawangan-cawangan lain?
48. Semasa mentadbir Newfort gym ini, adakah prinsip atau peraturan yang encik laksanakan semasa mentadbir Newfort gym ini?
49. Semasa menguruskan Newfort gym, adakah encik pernah mengalami isu yang menjejaskan keuntungan perniagaan ini?
50. Bagi pendapat encik, apakah perspektif orang awam tentang Newfort gym ini?
51. Kita nak tanya pula lah mengenai kenangan manis encik semasa menguruskan perniagaan gym ini?
52. Apakah kenangan pahit encik semasa menguruskan perniagaan gym ini?
53. Di sekitar sekitar ni ada tak?
54. Adakah encik ada menyertai sebarang aktiviti persatuan?

55. Apakah nama persatuan itu?
56. Jadi tujuan dia untuk mengelakkan masalah sosial lah?
57. Bilakah persatuan ini diwujudkan?
58. Bermula tahun?
59. Apakah jawatan encik di dalam kelab ini?
60. Dah lama jadi Presiden?
61. Adakah persatuan ini mendapat pengiktirafan dari pihak yang berwajib?
62. Berapakah ahli yang mendaftar di dalam persatuan MERAK?
63. Adakah persatuan ini mendapat sokongan dari golongan muda?
64. Adakah kelab ini selalu melakukan aktiviti untuk menyokong sesuatu peristiwa yang terjadi?
65. Bolehkah encik menceritakan sedikit tentang aktiviti yang pernah dilakukan oleh kelab ini?
66. Selalunya aktiviti konvoi tu dari mana ke mana?
67. Apakah harapan encik terhadap golongan muda yang menyertai kelab ini?
68. Adakah encik akan sentiasa meneruskan persatuan ini selama-lamanya?
69. Bagi pendapat encik, wajarkah kelab ini diluaskan ke luar negeri?
70. Apakah sebab kelab ini wajib diluaskan ke peringkat yang lebih tinggi?
71. Apakah harapan encik terhadap kelab MERAK ini?
72. Bukan sahaja dari golongan muda lah?
73. Selain daripada jawatan presiden Newfort dan kelab presiden persatuan MERAK adakah encik memegang jawatan-jawatan lain?
74. Apakah tujuan kelab sukan lengan tangan ni ditubuhkan?



75. Setakat ni adakah jenis jenis aktiviti yang dilakukan oleh persatuan lengan tangan?
76. Siapakah nama beliau?
77. Bagi pandangan abang, apakah pandangan msasyarakat umum tentang sukan lengan tangan?
78. Setakat ini sudah ada berapa aktiviti yang dilakukan?
79. Kebanyakan daripada ahli yang menyertai adakah golongan muda atau pun yang sudah berusia?
80. Bagi abang apakah harapan untuk sukan lengan tangan ini?
81. Bagi pandangan abang sendiri , seperti mana yang kita tahu gusti lengan tidak begitu popular di kalangan sukan. Jadi adakah abang rasa apa yang telah dilakukan ini dapat membantu sedikit sebanyak menaikkan nama sukan lengan ni?
82. Selain daripada Jepun ada?
83. Adakah kelab ini pernah menerima sijil sijil pencapaian atau pengiktirafan?
84. Adakah encik mempunyai sebarang pesanan terhadap generasi muda yang ingin bergiat dalam bidang keusahawanan dan permotoran ini?
85. Apakah pencapaian yang pernah encik kecapai sepanjang kerjaya encik menguruskan gym ini?
86. Adakah ahli-ahli yang menyertai gym ini pernah terlibat dalam pertandingan?
87. Apakah peringkat dan pertandingan yang disertai?
88. Bolehkah encik berkongsi sedikit tentang kejayaan dan kegagalan semasa melakukan aktiviti ini?

89. Apakah saranan dan perasaan encik semasa mendapat pencapaian ini?
90. Sebagai pemilik gym ini, apakah perasaan encik apabila mendapat anugerah dan pencapaian yang cemerlang seperti kejayaan di Asia?
91. Adakah encik mempunyai sebarang rancangan bagi meningkatkan prestasi Newfort Gym ini dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang?
92. Semasa menguruskan kelab MERAK, apakah sumbangan ataupun aktiviti yang telah dilakukan?
93. Adakah encik pernah mengalami masalah semasa melakukan aktiviti permotoran?
94. Dalam aktiviti konvoi itu sendiri, ada terjadi masalah ke tidak?
95. Bagi encik apakah cara menyelesaikan masalah ini?
96. Apakah harapan encik terhadap gym Newfort dan kelab MERAK ini?
97. Apakah langkah –langkah yang akan diambil pada masa hadapan selain meneruskan perniagaan dalam bidang sukan.



Gambar 1: Bergambar bersama tokoh En. Azaizuree bin Ahmad



Gambar 2: bergambar bersama atlit bina badan Kelantan. Husaini bin Ya



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
Machang, Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Pengkisah (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.